



TEKS UCAPAN

YB TUAN HJ. KHALID BIN ABD. SAMAD

MENTERI WILAYAH

DI

MAJLIS SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA

PADA : 14 OKTOBER 2018

MASA : 11:00 PAGI

**TEMPAT : PEJABAT LEMBANGAN SUNGAI KLANG (PLSK) DI
KOLAM BATU**

Bismilahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

[Salutations]

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia serta rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama pada hari ini di Majlis Sambutan Hari Sungai Sedunia.
2. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) khasnya dan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) di atas penganjuran majlis ini.
3. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua agensi yang turut hadir pada hari ini untuk Lawatan Turun Padang (TUPA) ke Sungai Batu bermula dari Taman Negeri Selangor hingga ke Sungai Batu *River Water Treatment Plant* sebentar tadi terutamanya kepada rakan saya YB Dr. Xavier Jayakumar, Menteri KATS, YB. Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor, YB Ir Izham Hashim dan YB Hee Loy Sian, EXCO Kerajaan Negeri Selangor.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

4. Menjadi hasrat Kerajaan untuk memastikan semua sungai di negara ini berada dalam keadaan yang bersih dan terpelihara. Ini termasuklah Sungai Klang yang bermula dari Hutan Simpan Ulu Gombak hingga ke muara Sungai Klang dengan jajaran 120 km merentasi sempadan Selangor dan Kuala Lumpur. Pemuliharaan Sungai Klang ini menjadi tanggungjawab bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Selangor mengikut persempadanan masing-masing.
5. Sejak 2011, Kementerian Wilayah sedang mentransformasikan Lembangan Sungai Klang merangkumi 8 batang sungai (Sungai Klang, Sungai Gombak, Sungai Batu, Sungai Jinjang, Sungai Keroh, Sungai Kerayong, Sungai Ampang dan Sungai Bunus) yang melibatkan jajaran 110 kilometer melalui Projek *River of Life* (RoL).
6. Selain meningkatkan kualiti air dari kelas 5 kepada kelas 2, sasaran utama projek ini adalah menjadikan 10.7 kilometer Sungai Klang dan Sungai Gombak sebagai ikon *waterfront* yang dinamik dan berdaya huni dengan nilai ekonomi yang tinggi.
7. Projek RoL melibatkan tiga (3) komponen utama iaitu Pembersihan Sungai, Pengindahan Sungai dan Pembangunan Tanah. Secara keseluruhannya, status pelaksanaan Projek RoL telah mencatatkan kemajuan sebanyak 83% dan dijangka siap menjelang tahun 2020.

Cabaran Dalam Menjayakan Projek River of Life

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

8. Pelbagai cabaran perlu diharungi untuk menjayakan projek RoL ini seperti mengajak masyarakat bersama-sama memahami kepentingan untuk memelihara sungai.
9. Kerajaan telah berbelanja berbilion ringgit untuk membersihkan sungai; namun tanpa bantuan dan kesedaran daripada masyarakat untuk menjaga dan menghargai sungai kita, ia tidak akan bermakna.
10. Perkara ini dapat kita lihat melalui tinjauan di beberapa lokasi yang telah dilawati sebentar tadi di mana terdapatnya perubahan kualiti air yang amat ketara bermula dari hulu sungai di Taman Negeri Selangor dengan kualiti air yang bersih di Kelas 1 telah berubah ke Kelas 3 disebabkan kesan pencemaran terus ke sungai di kawasan penempatan dan pembangunan industri sekitar.

Public Outreach Program (POP)

11. Dalam usaha menjayakan projek RoL, Kerajaan senantiasanya merangka pelbagai program bersama masyarakat sejak tahun pertama pelaksanaannya. Saya merasakan *Public Outreach Program (POP)* perlu diperhebatkan lagi untuk memupuk kerjasama serta meningkatkan sikap dan tingkah laku kumpulan sasaran (orang awam,

institusi pendidikan, komuniti tempatan, premis makanan, penjaja, pasar basah, bengkel, industri, korporat dan pemaju) untuk mengurangkan pencemaran dan tidak menjadikan sungai sebagai tempat buangan sampah.

12. Program ini juga boleh menyemai rasa bertanggungjawab kita terhadap pemuliharaan sungai agar pada jangka masa panjang mampu merubah sikap masyarakat untuk memahami dan menghayati pentingnya memelihara sungai.
13. *Public Outreach Program (POP)* bagi Fasa 1 dan 2 yang meliputi kawasan hulu Sungai Klang dan Sungai Bunas telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2012 dan kini ianya diperkembangkan ke Fasa 3A, 3B, 4 dan 5, merangkumi semua kawasan Projek *RoL*.

Memperkenalkan Aplikasi Mudah Alih *ROL Citizen's Eye*

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

14. Hari ini, Kerajaan ingin memperkenalkan aplikasi mudah alih iaitu *ROL Citizen's Eye* yang merupakan pelengkap kepada *Public Outreach Program (POP)* bagi *River of Life (RoL)*.
15. Objektif utama aplikasi ini adalah untuk membolehkan orang ramai menjadi mata dan telinga kerajaan dengan melaporkan apa-apa kejadian atau aktiviti yang berkaitan dengan sungai kepada pihak

berkuasa seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS), pihak berkuasa tempatan termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Pejabat Tanah dan Galian Selangor serta Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

16. Selain daripada melaporkan insiden yang bersifat negatif, orang ramai juga boleh melaporkan dan berkongsi sebarang aktiviti yang positif sebagai amalan pengurusan sungai yang terbaik.
17. Antara jenis laporan yang boleh dihantar adalah berkaitan kualiti air, pembuangan sisa pepejal, pencerobohan rizab sungai, pelaporan sumber pencemaran dari kawasan pembangunan tanah, restoran atau gerai, perindustrian dan kawasan perumahan serta loji rawatan kumbahan.
18. Aplikasi ini boleh didapati di *App Store* atau *Google Play* dan ia telah beroperasi sepenuhnya sejak 23 September 2018. Pengguna hanya perlu mendaftarkan alamat e-mel untuk menggunakan aplikasi ini. Pengguna boleh memilih untuk melaporkan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
19. Untuk makluman semua, aplikasi ini hanya boleh digunakan untuk memantau kawasan di dalam sempadan *River of Life* sahaja.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

20. Pelaksanaan projek *RoL* ini melibatkan pelbagai agensi dari Kerajaan Persekutuan dan juga Negeri Selangor.
21. Usahasama antara Kementerian dan agensi-agensi yang terlibat dalam menjayakan projek ini serta sokongan orang ramai termasuk pihak industri berhubung projek ini amatlah dihargai.
22. Kerajaan akan sentiasa berusaha meningkatkan kefahaman dan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan menjaga sungai.
23. Saya menyarankan supaya aplikasi *Citizen's Eye* ini disebar luas agar ramai orang dapat menggunakan aplikasi *ROL Citizen's Eye* ini dengan sebaik mungkin dalam usaha membantu Kerajaan untuk memelihara sungai kita.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih.